

Pergolakan Ekonomi Dunia

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Ekonomi Malaysia berkembang dengan lebih perlahan pada kadar 5.0 peratus setahun pada tahun lepas berbanding 6.0 peratus tahun sebelumnya. Dalam pada itu mata wang ringgit mengalami krisis susut nilai. Nilai ringgit merudum berbanding dengan kebanyakan mata wang rakan dagang utama Malaysia semenjak Ogos 2014. Sehingga kini, ringgit masih berada di bawah paras sebelum krisis. Di dalam tempoh tersebut, nilai ringgit telah susut sehingga 20 peratus berbanding dengan dolar Amerika pada satu ketika, walau pun kini nilai ringgit bertambah baik. Mengapakah ekonomi Malaysia tumbuh dengan lebih perlahan? Dan apakah kaitannya dengan kejatuhan nilai ringgit?

Ekonomi Malaysia tumbuh dengan lebih perlahan kerana terlalu bergantung kepada permintaan domestik sebagai penggerak utama. Manakala sektor luaran, yakni eksport, mengalami penurunan. Oleh kerana Malaysia adalah sebuah negara perdagangan, penurunan eksport mempengaruhi nilai pendapatan negara. Permintaan untuk eksport Malaysia menurun adalah disebabkan oleh faktor luaran di luar kawalan.

Penurunan permintaan untuk eksport Malaysia adalah fenomena global yang berpunca dari kelemahan aliran dagangan dan modal dunia. Punca utama kepada kelemahan aliran dagangan dan modal dunia ini pula adalah disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi utama dunia, terutamanya minyak petroleum mentah. Harga minyak petroleum mentah telah jatuh melebihi dari 50 peratus dari paras tertinggi melebihi 100 dolar Amerika setong pada pertengahan tahun 2014. Sehingga kini harga minyak masih berlegar-legar sekitar 40 dolar Amerika setong.

Kejatuhan harga minyak petroleum mentah adalah disebabkan oleh penawaran yang berlebihan di dalam dunia melebihi permintaan. Permintaan untuk minyak pula menurun kerana keadaan ekonomi kebanyakan negara pengguna mengalami

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

kelembapan. Manakala penawaran minyak dunia telah meningkat disebabkan oleh pertambahan pengeluaran dari Amerika Syarikat (AS). Ini adalah kerana AS mempunyai kepakaran teknologi untuk mengeluarkan minyak syal. Dengan itu, AS mengurangkan import minyak dari negara-negara Persatuan Pengeluar Minyak (OPEC). AS adalah pengimport terbesar minyak mentah dunia. Dengan peningkatan pengeluaran mereka, AS tidak lagi perlu mengimport minyak dengan banyak. Malahan kini AS telah mampu mengeksport minyak semenjak peraturan sekatan terhadap pengharaman eksport minyak petroleum mentah yang berkuat kuasa 40 tahun lepas telah ditarik balik oleh Kongresnya pada bulan Disember 2015.

Keadaan lebih penawaran ini menjadi lebih buruk apabila negara-negara pengeluar besar minyak dunia menambahkan pengeluaran mereka, terutamanya untuk mengimbangi kehilangan hasil kerana kejatuhan harga. Negara pengeluar terbesar bukan OPEC seperti Rusia, juga mempengaruhi jumlah pengeluaran dunia. Iran pula merupakan salah satu pengeluar terbesar di dalam OPEC yang telah dikenakan sekatan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semenjak tahun 2006. Pada awal tahun ini Iran telah dibebaskan dari sekatan oleh PBB, yang membolehkan mereka mengeksport minyak ke pasaran dunia yang turut meningkatkan lagi penawaran minyak dunia. Selain dari itu, terdapat juga minyak yang dijual ke pasaran dunia melalui pasaran gelap oleh Iraq dan Libya kerana pergolakan politik di sana.

Dalam pada itu, ekonomi AS berkembang dengan sihat. Permintaan domestiknya meningkat berpunca dari kejatuhan harga minyak ini melalui dua saluran. Pertama, harga minyak biasanya berkadar songsang dengan nilai dolar. Nilai dolar akan meningkat apabila harga minyak jatuh. Ini adalah kerana minyak mentah didagangkan dengan mata wang dolar dan AS merupakan pengimport utama minyak mentah dunia.

Peningkatan nilai dolar berbanding dengan lain-lain mata wang dunia menyebabkan import mereka menjadi lebih murah di dalam nilai dolar. Ini menggalakkan pengguna AS berbelanja lebih untuk membeli barangan dan perkhidmatan yang lebih murah secara relatif. Pada masa yang sama, melalui saluran kedua, pengeluaran AS juga akan bertambah kerana kos pengeluaran yang lebih rendah disebabkan oleh harga minyak yang murah.

Sementara itu, kebanyakan lain-lain ekonomi utama dunia mengalami kelembapan, termasuk kawasan euro (negara-negara Eropah yang menggunakan mata wang euro), Jepun dan China. Kawasan euro dan Jepun cuba untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi mereka dengan mengamalkan dasar kewangan berkembang yang menyebabkan kadar faedah mereka berada diparas yang rendah, malahan negatif. Pada masa yang sama AS cuba memperlahankan ekonomi mereka untuk mengelakkan inflasi. Ini kerana kebiasaannya AS meletakkan objektif pengawalan kadar inflasi sebagai dasar kewangannya. Kesannya kadar faedah AS lebih tinggi. Walaupun kadar faedah belum dinaikkan, para penggiat pasaran modal telah membuat spekulasi tentang kemungkinan kenaikan kadar faedah oleh Sistem Rizab Persekutuan AS (Fed), yakni bank pusat AS, dan ini mempengaruhi tindakan mereka.

Perbezaan dasar kewangan antara ekonomi-ekonomi utama dunia ini menyebabkan perbezaan kadar faedah antara mereka dan seterusnya mempengaruhi aliran modal dunia. AS menerima kesan positif aliran modal. Ini menambahkan lagi kekuatan dolar yang seterusnya meningkatkan lagi permintaan domestiknya. Bagi negara-negara lain yang mengalami aliran modal keluar, mata wang yang diapungkan akan mengalami susut nilai. Malaysia turut terkesan di mana kita mengalami aliran bersih modal negatif, seterusnya menjatuhkan nilai ringgit.

Apa yang dibincangkan setakat ini cuma menerangkan sebahagian dari keadaan yang mempengaruhi keadaan ekonomi dunia. Sebahagian lain yang penting melengkapkan pergolakan ekonomi dunia adalah berkaitan dengan negara China, yang merupakan ekonomi kedua terbesar dunia di belakang AS dari segi nilai keluaran dalam negara kasar (KDNK). Di dalam keadaan semasa, apa yang berlaku di China memberi kesan kepada kebanyakan ekonomi dunia melalui saluran perdagangan antarabangsa. China merupakan salah satu dari sepuluh rakan dagang utama untuk lebih dari 100 negara. Negara-negara tersebut menyumbang 80 peratus kepada KDNK dunia.

China telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Sebelum ini ekonominya tumbuh dengan amat tinggi melalui eksport dan pelaburan. Kelemahan aliran perdagangan dan modal dunia disebabkan oleh kelembapan ekonomi dunia memberi kesan negatif kepada China. Permintaan untuk eksport dari China menurun.

Pelaburan China di luar negara juga turut menurun. Keadaan ini menambahkan lagi melembapkan ekonomi dunia.

Negara China juga diharap untuk membuka pasarannya kepada negara-negara lain oleh komuniti dunia supaya dapat menyerap eksport dunia. Sebaliknya China lebih menumpukan pengeluaran untuk pasaran dunia, termasuk oleh syarikat-syarikat milik kerajaan yang sesetengahnya kurang efisien. China dikatakan di dalam proses pengimbangan semula untuk meningkatkan permintaan domestiknya. Namun pada masa yang sama China juga perlu untuk terus menjana pertumbuhan ekonominya. Oleh itu, proses pengimbangan semula ini dijangka akan mengambil masa untuk direalisasikan.

Pergolakan ekonomi dunia ini juga mempengaruhi sentimen umum, yang secara langsung mempengaruhi aktiviti-aktiviti ekonomi seluruh dunia. Untuk jangka masa pendek keadaan ini akan mempengaruhi permintaan dan penawaran dunia. Namun keadaan ini juga memberi kesan jangka panjang dari segi perubahan struktur ekonomi. Banyak ekonomi yang melakukan proses reformasi yang perlu untuk meningkatkan kecekapan mereka.

Kelembapan ekonomi dunia menyebabkan Malaysia lebih bergantung kepada permintaan domestik untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Namun demikian, strategi menggalakkan permintaan domestik perlu dilakukan dengan berhati-hati kerana keadaan kecairan yang menurun. Penurunan kecairan di dalam ekonomi adalah disebabkan oleh pengaliran modal keluar yang dipengaruhi oleh keadaan ekonomi dunia seperti dibincangkan di atas.

Di dalam situasi semasa, penggalakan permintaan domestik perlu ditumpukan kepada peningkatan pelaburan. Peningkatan pelaburan mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran untuk jangka panjang, di samping meningkatkan permintaan domestik secara langsung. Dalam pada itu, peningkatan penggunaan swasta juga perlu dikawal supaya tidak berlaku secara berlebihan untuk mengelakkan inflasi dan peningkatan hutang isi rumah yang berlebihan.